

KOSMO
27 AUG 2019
TARIKH

kosmo 27/8/19 ms38

Tawaran ambil alih PLUS masih dalam penilaian

KUALA LUMPUR - Cadangan rasmi daripada Maju Holdings Sdn. Bhd. (Maju Holdings) untuk mengambil alih PLUS Malaysia Bhd. (PLUS), syarikat konsesi lebuhraya terbesar di Malaysia masih dalam proses penilaian.

Menurut kenyataan daripada Kementerian Kerja Raya, cadangan tawaran tersebut yang melibatkan pengurangan kadar tol yang ketara kelihatan menarik.

"Menteri berkenaan (Baru Bian) menyatakan Kementerian telah me-

nerima cadangan daripada Maju Holdings dan masih dalam proses menilai merit dan daya majunya.

"Kementerian akan membentangkan dalam Kabinet mengenai cadangan 'Langkah ke Hadapan bagi Jalan Raya Bertol di Malaysia' pada awal bulan depan berdasarkan laporan akhir yang disediakan oleh perunding bebas pada Januari 2019," katanya di sini semalam.

Kenyataan itu turut menyatakannya, hanya selepas keputusan Kabinet dibuat, kerajaan akan

dapat mempertimbangkan semua cadangan mengenai pengambilalihan lebuhraya bertol di negara ini termasuk tawaran Maju Holdings-PLUS.

Pada 22 Ogos lalu, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan belum membuat keputusan mengenai cadangan Maju Holdings-PLUS dan mengesahkan kutipan tol lebuhraya itu akan diteruskan walaupun konsesi PLUS diambil alih oleh mana-mana entiti lain. - Bernama